

# VETERINAR DAN SAINS HAIWAN

» **Terokai cabaran industri berasaskan haiwan**

**A**ntara perkara terbaik menjadi doktor haiwan ialah mempunyai keupayaan untuk merawat dan menyembuh penyakit serta meningkatkan kualiti hidup haiwan berkenaan. Sekiranya mempunyai minat terhadap haiwan dan kemahiran komunikasi yang baik untuk berurusan dengan pemilik haiwan tersebut, kerjaya dalam bidang Sains Veterinar sesuai untuk anda.

## **Kerjaya Perubatan Veterinar di Malaysia**

Kebanyakan doktor haiwan di Malaysia bekerjasama dalam sektor swasta ataupun kerajaan. Mereka juga pakar dalam baka haiwan tertentu seperti perubatan kuda dan haiwan eksotik atau dalam bidang perubatan seperti oftalmologi, onkologi, patologi atau dermatologi.

Selaras dengan program transformasi ekonomi negara, industri makanan dan pertanian Malaysia

Semenanjung berikutan pelancaran Pusat Ternakan Bersepadu Keningau oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pegawai ternakan memeriksa dan menyediakan penjagaan kesihatan yang utama kepada ternakan serta haiwan. Masalah saintifik mengembangkan strategi serta teknologi baru, membangunkan ujian diagnostik baru, vaksin dan produk yang mencegah penyakit manusia dan haiwan serta meningkatkan kualiti makanan yang disiasat oleh penyelidik. Pensyarah kolej mengajar kursus yang menggalakkan tahap profesional pelajar untuk mengembangkan kemahiran dan strategi penyelesaian masalah yang meningkatkan kesihatan haiwan.


## **Julat Gaji**

Data yang dikumpulkan dari Payscale menunjukkan doktor haiwan menerima gaji tahunan sebanyak RM14,838 sehingga RM107,622, manakala bonus tabu-

haiwan ataupun tingkah laku haiwan, anda bukan sahaja boleh mencari pekerjaan dalam bidang pemuliharaan, penyelidikan dan keusahawanan, malah anda juga boleh melakukan pekerjaan lain termasuk penjagaan dan pengendalian haiwan.

Setengah orang yang bekerja sebagai penjaga zoo dan akuarium serta mempunyai kelayakan dalam bidang sains haiwan mampu menjadikan hotel haiwan lebih popular di Malaysia, manakala kerjaya lain termasuk penguatkuasaan undang-undang atau pusat pemuliharaan hidupan liar.

Masalah saintifik, membangunkan strategi dan teknologi baru, membangunkan ujian diagnostik dan vaksin baru akan disiasat oleh penyelidik, manakala kesejahteraan haiwan dalam pelbagai aspek termasuk klinik, tempat tinggal, zoo, akuarium dan tempat perlindungan anjing akan diberi tumpu-



## **PERUBATAN VETERINAR**

Potensi Kerjaya	Huraian Kerja
Pegawai Ternakan	Memeriksa dan menyediakan penjagaan kesihatan terhadap haiwan dan ternakan.
Penyelidik	Mengenal pasti masalah saintifik dan mengembangkan strategi dan teknologi baru, ujian diagnostik, vaksin serta produk yang mencegah penyakit manusia dan haiwan dan meningkatkan kualiti makanan.
Pensyarah Kolej	Memberi tunjur ajar tentang kursus-kursus yang menggalakkan tahap profesional pelajar dan memperkembang kemahiran serta strategi penyelesaian masalah bagi meningkatkan kesihatan haiwan.

iformasi ekonomi negara, industri makanan dan pertanian Malaysia yang memainkan peranan utama, industri tenusu Sabah berkembang pesat kini mampu menghasilkan kira-kira 10 juta liter susu setahun dan memerlukan pakar ternakan.

Ia kini telah menjadi pengeluar susu utama bagi sekolah di negeri dan program Susu 1Malaysia. Industri telah diberi rangsangan dan Sabah turut mengeksport susu segar ke Brunei, Sarawak dan

sebanyak RM14,838 sehingga RM107,623, manakala bonus tahunan mencapai sehingga RM8,877.

### **Kerjaya bidang Sains Haiwan**

Anda mungkin berpotensi mencari kerjaya dalam industri ternakan berkaitan sama ada dalam sektor awam mahupun swasta seperti ternakan, kerja ladang dan tenusu apabila bergelar saintis haiwan.

Jika dilihat dalam bidang kajian

dungan anjing akan diberi tumpuan oleh penjaga haiwan.

### **Julat Gaji**

Kerjaya berkaitan dengan sains haiwan adalah luas dan pelbagai. Anda akan memiliki perbezaan gaji yang ketara mengikut bidang dipilih. Sebagai contoh, pendapatan anda setiap tahun adalah sekitar RM23,000 hingga RM114,000 apabila bergelar doktor haiwan.

## **SAINS HAIWAN**

### **Potensi Kerjaya**

Penyelidik

Penjaga Haiwan

### **Huraian Kerja**

Mengenal pasti masalah saintifik dan mengembangkan strategi dan teknologi baru, ujian diagnostik, vaksin serta produk yang mencegah penyakit manusia dan haiwan serta meningkatkan kualiti makanan.

Memberi tumpuan kepada kesejahteraan haiwan dalam pelbagai aspek termasuklah klinik kesihatan haiwan, tempat tinggal, zoo, akuarium dan tempat perlindungan haiwan.

Bagi pelajar lepasan SPM, anda boleh layari [www.e-kampus.my](http://www.e-kampus.my) dan [www.afterschool.my](http://www.afterschool.my) bagi mendapatkan maklumat berkaitan kursus institusi pengajian dan juga biasiswa untuk melanjutkan pengajian